

Jep kucing paling popular laman sosial



Antara aksi manja Jep di laman sosial.

(FOTO SHAFIQ ZAIN/BH)

» Keletah manja baka American Shorthair pikat 190,000 peminat dalam Facebook

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

■ Maran

Keletah manja dengan perwatakan selamba, membuatkan Jep boleh dianggap kucing paling popular di Malaysia, apabila mempunyai lebih 190,000 peminat menerusi akaun Facebook, Oh My Jep.

Kucing jantan baka American Shorthair berusia dua tahun itu, juga mempunyai lebih 40,000 pengikut menerusi Instagram.

Akaun sosial itu dibuat khusus untuk memaparkan aktiviti harian Jep menerusi gambar yang dimuat naik pemiliknya iaitu pasangan suami isteri, Mohd Kamarul Anuar Mohd Ariffin, 33, dan Nor Azwana Awang, 30.

Populariti Jep dalam kalangan peminat kucing, membuatkan ada yang sanggup memandu ke Maran, semata-mata mahu bertemu dan bergambar dengannya.

Ketika ditemui wartawan BH di kediamannya dekat Kampung Kuala Sentul di sini, Nor Azwana yang lebih dikenali dengan panggilan Ummi, berkata membela kucing adalah antara hobinya sejak kecil.

“Sejak zaman kanak-kanak, saya memang sukakan kucing, cu-

lepas berkahwin kerana suami juga berkongsi minat sama.

“Tambahan pula, saya menjadi suri rumah sepenuh masa, jadi bila ada kucing macam Jep, hilanglah rasa bosan,” katanya.

Dibeli pada 2014

Beliau berkata, Jep dibeli ketika berusia tujuh bulan dari sebuah kedai haiwan di Temerloh pada tahun 2014 selepas beliau dan suaminya tertarik dengan wajahnya yang menyerupai model bungkus makanan kucing terkenal.

“Sebaik melihat Jep di kedai itu, tanpa berfikir panjang, kami ambil keputusan membelinya. Selepas setahun menjaga Jep, saya membawanya setiap kali menghadiri perjumpaan dengan peminat kucing lain.

“Rakan mencadangkan saya membuka halaman khas di Facebook untuk Jep dan darj situ, setiap perkembangannya saya kongsi dengan peminat kucing

INFO

Baka American Shorthair

- Dibawa ke Amerika oleh pelayar British bagi menangkap tikus dalam kapal
- Sekarang dianggap baka tempatan Amerika
- American Shorthair lebih besar dengan badan lebih panjang berbanding British Shorthair
- Mempunyai warna bulu yang lebih variasi
- Baka bersaiz besar tetapi jinak

“Peminat kucing dari seluruh negara menyarankan saya memperkenalkan barangan cenderahati Jep untuk dijadikan kenangan”

Nor Azwana Awang, Pemilik kucing

lain,” katanya.

Nor Azwana turut menjelaskan pemilihan nama Jep dibuat selepas berbincang dengan suaminya dan ia lebih mudah diingati serta mempunyai nilai komersial.

“Pada awalnya, kami nak le-



Jep dipakaikan topi oleh pemiliknya untuk sesi bergambar.



Nor Azwana bersama kalendar dan kad yang memaparkan gambar Jep.

takkan nama Jack tapi fikir balik sebab kedengaran terlalu kebaratan, lalu kami pilih Jep sahaja, sesuai dengan lokasi kami di kampung dan kebetulan meminati pelakon komedi terkenal, Jep dari kumpulan Sepahtu.

Buat cenderahati

“Sambutan yang diterima sejak laman FB Jep dibuka amat membanggakan. Peminat kucing dari seluruh negara menyarankan saya memperkenalkan barangan


cenderahati Jep untuk dijadikan kenangan,” katanya.

Demi memenuhi harapan peminat Jep, Nor Azwana yang juga ibu kepada Ahmad Mujahid, 5, dan Ahmad Mukmin, 3, menawarkan beberapa cenderahati menggunakan nama Jep seperti kalendar dan kad Touch n' Go serta kisi merancang menghasilkan koleksi mug, bantal dan kad.

Katanya, kos penjagaan Jep juga tidak terlalu tinggi iaitu antara RM200 hingga RM300 sebulan, kecuali jika ia sakit dan terpaksa menjalani rawatan di klinik veterinar swasta.

Sementara itu, Kamarul Anuar yang juga Penolong Juruteknik Tenaga Nasional Berhad (TNB) Maran, yang menyokong minat isterinya itu, sentiasa berkongsi idea untuk menjadikan kucing mereka sebagai ikon dalam kalangan peminat haiwan itu di negara ini.

“Saya tidak sangka usaha isteri melalui FB mendapat respon baik daripada peminat kucing. Sekarang, Jep bukan sekadar penghibur bagi kami sekeluarga, bahkan turut dikongsi ratusan ribu peminat dari seluruh negara,” katanya.



Ikuti BH Plus